

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PELAKSANAAN UJIAN SARINGAN COVID-19
BAGI MURID SEKOLAH RENDAH BAWAH STRATEGI
PENGUJIAN COVID-19 KEBANGSAAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan ujian saringan bergilir COVID-19 bagi murid sekolah rendah bawah Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan dilaksanakan secara kendiri oleh murid di rumah dengan bimbingan ibu bapa/penjaga. Garis panduan pelaksanaan ujian ini adalah seperti di Lampiran 1.

Khusus bagi pelaksanaan ujian saringan COVID-19 pada minggu ini, pihak sekolah telah mengenal pasti murid yang terlibat dan akan mengedarkan kit ujian kendiri berserta Slip Pengesahan Pelaksanaan Ujian Kendiri COVID-19 untuk dibawa pulang oleh murid pada 12 Januari 2022. Keputusan ujian saringan perlu dilaporkan kepada pihak sekolah pada 13 Januari 2022.

Sekiranya keputusan negatif, murid boleh hadir ke sekolah. Jika keputusan positif, ibu bapa/penjaga hendaklah membawa anak mereka ke fasiliti kesihatan untuk tindakan lanjut dan memaklumkan kepada pihak sekolah. Namun, jika keputusan ujian tidak sah (invalid),

ibu bapa/penjaga perlu memaklumkan kepada pihak sekolah dan murid akan menjalani semula ujian saringan apabila hadir ke sekolah.

KPM akan mengeluarkan surat siaran berkaitan penyelarasan semula pelaksanaan ujian saringan COVID-19 bagi murid sekolah rendah dan prasekolah.

Ketetapan ini turut terpakai di semua sekolah rendah dan tadika swasta yang berdaftar bawah KPM.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
11 JANUARI 2022**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN UJIAN SARINGAN COVID-19
BAGI MURID SEKOLAH RENDAH DAN PRASEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Pengenalan

Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan – *National COVID-19 Testing Strategy* (NTS) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 26 November 2021 telah menetapkan ujian saringan COVID-19 sebagai satu kebiasaan baharu kehidupan dalam peralihan kepada endemik COVID-19. Keperluan ujian saringan COVID-19 ini turut melibatkan sektor pendidikan. Berdasarkan NTS, ketetapan ujian berkala sebanyak 10 peratus secara rawak daripada bilangan murid sekolah rendah dan prasekolah yang hadir ke sekolah perlu dilaksanakan.

Susulan ketetapan tersebut, ujian ini telah dilaksanakan secara kendiri oleh murid dengan bimbingan guru di sekolah bermula pada 1 Disember 2021. Walau bagaimanapun, mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada pelbagai pihak serta persetujuan KKM, ujian ini akan dilaksanakan di rumah secara kendiri oleh murid dengan bimbingan ibu bapa/penjaga.

Pelaksanaan

Kaedah pelaksanaan ujian saringan COVID-19 bagi murid sekolah rendah dan prasekolah adalah seperti berikut:

- a. Pada hari Isnin, sekolah mengenal pasti 10 peratus murid secara rawak bagi pelaksanaan ujian saringan COVID-19 untuk minggu tersebut.
- b. Pada hari Selasa, sekolah membekalkan kit ujian kendiri dan Slip Pengesahan Pelaksanaan Ujian Kendiri COVID-19 kepada murid untuk melaksanakan ujian saringan dan keputusannya perlu dilaporkan kepada pihak sekolah pada hari Rabu.
- c. Jika hari berkenaan (a dan b) adalah cuti umum, maka pihak sekolah akan menetapkan hari lain untuk mengenal pasti murid, membekalkan kit ujian kendiri serta penyerahan kembali slip pengesahan.
- d. Ujian saringan COVID-19 dilaksanakan secara kendiri oleh murid di rumah dengan bimbingan ibu bapa/penjaga. Ibu bapa/penjaga boleh merujuk tatacara pelaksanaan ujian kendiri yang disertakan bersama kit ujian kendiri yang dibekalkan oleh sekolah sebagai panduan.
- e. Tindakan susulan yang perlu diambil oleh ibu bapa/penjaga adalah seperti berikut:
 - i. melengkap dan menandatangani Slip Pengesahan Pelaksanaan Ujian Kendiri COVID-19;
 - ii. sekiranya keputusan ujian adalah negatif, murid boleh hadir ke sekolah dan menyerahkan slip pengesahan ujian kendiri kepada pihak sekolah;
 - iii. sekiranya keputusan ujian adalah positif, ibu bapa/penjaga hendaklah membawa anak mereka ke fasiliti kesihatan untuk tindakan lanjut. Ibu bapa/penjaga perlu memaklumkan kepada pihak sekolah; dan

- iv. sekiranya keputusan ujian tidak sah (invalid), ibu bapa/penjaga perlu memaklumkan kepada pihak sekolah. Murid akan menjalani semula ujian saringan apabila hadir ke sekolah.
- f. Sekolah perlu merekod dan memaklumkan keputusan ujian kepada pejabat kesihatan daerah.

Penutup

Kerjasama semua pihak dalam menjayakan pelaksanaan Ujian Saringan COVID-19 Bagi Murid Sekolah Rendah dan Prasekolah KPM amat diharapkan. Usaha ini bertujuan mengurangkan risiko penularan jangkitan COVID-19 di sekolah, memandangkan golongan murid ini masih belum mendapat vaksinasi lengkap. Ini juga bagi memastikan pengoperasian sesi persekolahan dapat berlangsung dengan selamat.

-TAMAT-